

Kepada : Senarai Seperti Di Lampiran
Daripada : Bendahari
Ruj. Kami : UPSI/BEN/AD/16/653/1 Jilid 14 (25)
Tarikh : 22 November 2024
20 Jamadil Awal 1446

PERINGATAN PENGGUNAAN TANDATANGAN ELEKTRONIK/ CAP YANG TIDAK DIBENARKAN BAGI SEMUA URUSAN KEWANGAN UNIVERSITI

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Berdasarkan Mesyuarat Jawatankuasa Tatakelola (JTK) UPSI Kali Ke-2 pada 25 Julai 2024 yang dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Naib Canselor dan Garis Panduan Penggunaan Tandatangan Elektronik/ Cap di UPSI bertarikh 27 Mac 2023, Jabatan Bendahari memaklumkan bahawa penggunaan tandatangan elektronik/ cap bagi semua urusan kewangan Universiti adalah tidak dibenarkan.
3. Sehubungan itu, Jabatan Bendahari memohon jasabaik semua Ketua Pusat Tanggungjawab (PTj) untuk mengambil tindakan segera terhadap isu-isu yang dibangkitkan seperti berikut:
 - i. Semua dokumen rasmi Universiti hendaklah mematuhi syarat-syarat yang telah dinyatakan dalam Garis Panduan Penggunaan Tandatangan Elektronik/Cap.
 - ii. Tandatangan elektronik/cap tidak dibenarkan digunakan bagi dokumen yang melibatkan kewangan, perundangan, dan sumber manusia.
 - iii. Ketua PTj bertanggungjawab memastikan pemantauan berterusan terhadap penggunaan tandatangan elektronik/cap di PTj masing-masing.

- iv. Ketua PTj diminta untuk memberi maklumat yang jelas kepada semua kakitangan di bawah seliaan masing-masing mengenai pematuhan ini bagi memastikan keseragaman pelaksanaan garis panduan sedia ada.

4. Dengan ini, semua urusan kewangan Universiti perlulah ditandatangani dengan tandatangan asli dan dikemukakan ke Jabatan ini beserta dengan dokumen-dokumen yang berkaitan. Semoga pematuhan ini dapat meningkatkan lagi tahap integriti dan ketelusan dalam urusan pentadbiran terutama kewangan Universiti.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“PENERAJU KEBITARAAN PENDIDIKAN”

Saya yang menjalankan amanah,



(HJ. MOHAMAD NAJIB BIN MOHAMED, C.A (M) ASEAN CPA)

1. Dekan, Fakulti Bahasa & Komunikasi
2. Dekan, Fakulti Komputeran & Meta-Teknologi
3. Dekan, Fakulti Muzik & Seni Persembahan
4. Dekan, Fakulti Pembangunan Manusia
5. Dekan, Fakulti Pengurusan & Ekonomi
6. Dekan, Fakulti Sains & Matematik
7. Dekan, Fakulti Sains Kemanusiaan
8. Dekan, Fakulti Sains Sukan & Kejurulatihan
9. Dekan, Fakulti Seni, Kelestarian & Industri Kreatif
10. Dekan, Fakulti Teknikal & Vokasional
11. Dekan, Institut Pengajian Siswazah
12. Penasihat Undang-Undang, Bahagian Perundangan
13. Pengarah, Bahagian Komunikasi Korporat
14. Pengarah, Bahagian Pengurusan Risiko dan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan
15. Pengarah, Institut Peradaban Melayu
16. Pengarah, Jabatan Pengurusan Pembangunan & Harta Benda
17. Pengarah, Jabatan Strategik
18. Pengarah, Pejabat Karang Mengarang
19. Pengarah, Pusat Alumni
20. Pengarah, Pusat Antarabangsa & Mobiliti
21. Pengarah, Pusat Inisiatif Pemodenan Pendidikan
22. Pengarah, Pusat Islam
23. Pengarah, Pusat Kaunseling
24. Pengarah, Pusat Kebudayaan
25. Pengarah, Pusat Kesihatan
26. Pengarah, Pusat Keusahawanan & Kebolehpasaran Graduan
27. Pengarah, Pusat Ko-Kurikulum
28. Pengarah, Pusat Latihan Mengajar dan Industri
29. Pengarah, Pusat Pembangunan Akademik
30. Pengarah, Pusat Pengurusan Kualiti
31. Pengarah, Pusat Pengurusan Penyelidikan & Inovasi
32. Pengarah, Pusat Penyelidikan Perkembangan Kanak-Kanak Negara
33. Pengarah, Pusat Sukan
34. Pengarah, Pusat Transformasi Komuniti Universiti

35. Pengarah, Pusat Ulul Albab
36. Pengarah, Pusat Wakaf, Endowmen, Zakat, Khairat dan Sedekah
37. Pengetua, Kolej Ungku Omar
38. Pengetua, Kolej Aminuddin Baki
39. Pengetua, Kolej Awang Had Salleh
40. Pengetua, Kolej Harun Aminurrashid
41. Pengetua, Kolej Za'ba
42. Pengetua, Unit Kediaman Luar Kampus
43. Ketua Pustakawan, Perpustakaan Tuanku Bainun
44. Ketua Pegawai Digital, Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi
45. Ketua Timbalan Pendaftar, Bahagian Hal Ehwal Akademik

46. Timbalan Pendaftar Kanan, Bahagian Hal Ehwal Pelajar
47. Timbalan Pendaftar Kanan, Bahagian Sumber Manusia
48. Timbalan Pendaftar, Bahagian Governan
49. Timbalan Pendaftar, Pejabat Naib Canselor
50. Timbalan Pendaftar, Unit Integriti
51. Ketua Bahagian Audit Dalam
52. Ketua Bahagian Keselamatan
53. Ketua Bahagian Pengangkutan
54. Penolong Bendahari Kanan, Unit Pentadbiran, Kewangan & Kualiti, Jabatan Bendahari
55. Penolong Pendaftar Kanan, Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
56. Penolong Pendaftar Kanan, Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
57. Penolong Pendaftar, Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
58. Setiausaha Pejabat, Pejabat Pendaftar